

18/09/1997

Program Telefood sambut Hari Makanan Sedunia

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan melancarkan program Telefood sempena sambutan Hari Makanan Sedunia pada 16 Oktober ini dalam usaha membantu rakyat kelaparan dan negara kekurangan makanan pada masa depan.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata mesyuarat minggungan Kabinet baru-baru ini meluluskan program itu, yang tidak jauh bezanya dengan program Telejantungku yang diadakan Radio Televisyen Malaysia secara langsung, sedikit masa lalu.

Beliau berkata, Telefood yang berslogan 'Makanan Untuk Semua' bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya lebih prihatin dan sedia membantu masyarakat kelaparan, terutama di negara yang mengalami kekurangan makanan pada masa ini, seperti Korea.

"Melalui program itu, orang ramai boleh menghulurkan sumbangan dan bantuan kepada tabung Telefood pada bila-bila masa," katanya selepas menerima kunjungan hormat rombongan empat pegawai dari Pertubuhan Makanan dan Pertanian bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PMPPBB) di pejabatnya, di Wisma Tani, hari ini.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Urusan PMPPBB, Dr Jacques Diouf, akan mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada sebelah pagi, rombongan yang turut disertai oleh Wakil PMPPBB Wilayah rantau ini berpusat di Jakarta, Datuk Abdul Wahid Jalil serta dua pegawai Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabatnya.

(END)